

Tubuhkan EAEC kerana Barat tidak boleh diharap lagi

# PM: Asia mesti berani

UM 10 JUN 2000

Daripada AZIZ ISHAK

**T**OKYO 9 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak negara-negara Asia bertindak berani mewujudkan sistem antarabangsa yang adil termasuk menjayakan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Katanya, Asia tidak boleh lagi bersikap fanatik terhadap Barat kerana negara-negara maju tidak boleh 'diharap' lagi.

Perdana Menteri sebaliknya menegaskan, Asia perlu menolak teori, dasar dan ideologi yang ternyata membawa keburukan kepada 'kehidupan kita'.

Katanya, pendirian berani itu harus dimulakan dengan memperjuangkan pembaharuan rejim kewangan antarabangsa menerusi EAEC atas hakikat negara-negara maju terus bergandingan menafikan hak Asia.

"Jika mereka tidak menerima cadangan atau melakukan pembaharuan maka lemparkan semula kesemuanya kepada mereka," katanya semasa menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Masa Depan Asia anjuran Nihon Keizai Shimbun (Nikkei) di sini hari ini.

Pendekatan keras beliau itu dilihat sebagai isyarat kepada negara-negara maju G-7 yang akan mengadakan sidang kemuncak Kyushu-Okinawa pada bulan depan, selain mengharapkan Jepun lebih tegas memba-  
wa pendirian Asia.

## Pengalaman

Ucapan heliau berkisar terhadap sikap fanatik kepada sistem Barat yang terus mencorakkan dunia biarpun lemah dan membawa kesan buruk; pengalaman dan tekanan yang dihadapi oleh Malaysia berkaitan serangan ekonomi; dan perlunya Asia menentukan sendiri hala tuju mereka supaya tidak dibuli atas nama globalisasi.

Cadangan menubuhkan EAEC yang diideakan oleh Malaysia tidak lama dulu belum dapat direalisasikan kerana mendapat tentangan kuat daripada Amerika Syarikat, meskipun disokong oleh beberapa negara termasuk China.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa masa depan Asia bergantung kepada Asia sendiri dan bukannya kuasa luar.

Perdana Menteri berkata, Asia boleh memberikan sumbangan dan menggerakkan pertumbuhan bersama-sama dengan Afrika, Amerika Latin dan negara-negara bekas blok Timur.

"Tetapi Asia sendiri mesti bertegas. Ia tidak lagi hanya boleh mengikut (Barat)," katanya sambil mahu Asia belajar daripada sejarah supaya tidak mengulangi kesilapan sama seperti menimpa blok komunis yang percayakan sistem sehingga melupakan hasilnya.

Dr. Mahathir menambah, Asia perlu mendapatkan rasa hormat sebenar biarpun begitu menghormati pihak lain.

Malah beliau percaya kepandaian, industri, pengurusan dan pentadbiran kerajaan

■ Lihat muka 4

UM 10 JUN 2000

## PM: Asia mesti berani

orang Asia akan menjadi model kepada dunia selepas ini.

Pun begitu, secara sinikal beliau menjelaskan: "kita tidak akan mendominasi (dunia) tetapi yang pastinya kita tidak akan dibuli."

Sesungguhnya Perdana Menteri percaya Asia akan menjadi rakan yang sama taraf dengan kumpulan-kumpulan lain dalam dunia seperti, Kesatuan Eropah dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri meminta negara-negara Asia belajar supaya tidak bersikap fanatik terhadap apa sahaja dari Barat termasuk teori-teori ekonomi dan fahaman demokrasi, seperti juga tidak boleh fanatik dalam membuat tafsiran agama.

"Kita harus bersedia untuk memeriksa mereka dan kemampuan mereka," katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, idea, pandangan dan sistem mereka hanya boleh diterima setelah diteliti, diuji bahkan diubahsuai atau ditolak jika hasilnya tidak seperti dijanjikan.

Malaysia, kata Dr. Mahathir lebih berminat kepada "keputusan dan bukan sistem, walau sebagai mana sekalipun sistem itu. Dengan nada lebih tegas, beliau berkata, Malaysia sanggup dilabel apa sahaja termasuk jahil jika tidak mengikut telunjuk kuasa besar.

"Pada kami jika keputusan itu buruk maka kami anggap sistem itu buruk dan harus dicampakkan keluar," katanya.

Mknurut Perdana Menteri, itulah yang telah dilakukan oleh Malaysia semasa melaksanakan penetapan mata wang asing dan kawalan modal jangka pendek, yang ternyata berjaya, setelah menolak kaedah Barat termasuk bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau menarik perhatian bahawa Malaysia harus 'dimaafkan' jika lebih percayakan kepada penetapan kadar pertukaran mata wang berbanding kadar pertukaran pasaran terbuka, yang terdedah kepada banyak manipulasi.

Antara huihah beliau ialah bagaimana sejarah membuktikan kawalan penetapan kadar mata wang oleh rejim Bretton Woods membolehkan pemulihan ekonomi dunia daripada trauma Perang Dunia Kedua.

Ketika itu, dolar Amerika ditetapkan nilainya 0.35 aun emas dan mata wang dunia yang lain ditetapkan dengan kadar yang sama.

Sedangkan, katanya, kadar pertukaran mata wang terbuka selepas itu menghentikan pertumbuhan pascaperang selama dua dekad.

Dr. Mahathir menambah, kadar pertukaran mata wang terbuka dicipta oleh negara maju

tanpa membuat kajian dan perbincangan serius — suatu pengkhianatan selepas mengambil alih perjanjian Bretton Woods yang sebelum itu terbukti membawa kemakmuran dunia.

Dalam ucapannya juga, Dr. Mahathir mengimbas sejarah kewangan dunia dan bagaimana Amerika Syarikat sehingga hari ini menggunakan kuasanya melonjakkan nilai wang mereka dan memanipulasi serta menekan pihak lain biarpun mempunyai pendekatan yang lebih baik seperti Malaysia.

Beliau juga mahu negara-negara Asia lebih waspada terhadap kemuncak era globalisasi yang setakat ini membenarkan banyak kepincangan oleh Barat termasuk mengembangkan lagi industri pertahanan mereka.

Katanya, Barat juga akan mencuba dan melakukan apa sahaja bagi menjejaskan demografi Asia antaranya mereka cipta cara lebih berkesan untuk membunuh orang.

Tegas beliau, Barat akan sentiasa membuat percaturan memecahbelahkan Asia misalnya menggambar-gemburkan syak-wasangka kemungkinan peperangan masa depan antara dua kuasa Asia iaitu China dan Jepun.